



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(17)

Tarikh : 13 Mei 2020

## KENYATAAN MEDIA

### PHF2020 Ditunda Sehingga Dimaklumkan Kemudian

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap penganjuran majlis serta aktiviti di seluruh dunia dengan ketara sehingga menyebabkan ia dibatalkan atau ditangguhkan. Garis panduan yang melarang perhimpunan awam secara besar-besaran dan penjarakkan sosial juga dilaksanakan oleh pihak berkuasa untuk memutuskan rantaian penyebaran wabak berkenaan.

Setelah menjalankan pertimbangan dan rundingan yang teliti dengan semua pihak berkepentingan, jawatankuasa penganjur Penang Hill Festival 2020 (PHF2020) telah bersetuju untuk menangguhkan acara ini sehingga dimaklumkan kemudian.

Dianjurkan oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan diadakan setiap tahun sejak 2018, Penang Hill Festival dijadualkan berlangsung dari 16 hingga 19 Julai 2020 untuk meraikan sejarah, alam semula jadi, dan warisan budaya di Bukit Bendera.

Pelbagai program pendidikan dan aktiviti menarik telah dirancang agar pengunjung dapat merasai pengalaman menarik mengenai Bukit Bendera. Langkah penangguhan yang diambil adalah untuk melindungi peserta, pempamer serta peminat PHF2020 memandangkan wabak global COVID-19. PHF2020 akan dijadualkan semula pada waktu yang akan diumumkan kelak mengikut garis panduan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak berwajib.

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua di atas sokongan berterusan terhadap Bukit Bendera serta menjadikannya destinasi yang wajib dikunjungi di Pulau Pinang dan bukit perangan popular di Malaysia dan rantau ini.

PBBPP komited dalam mencapai hasil yang terbaik, untuk maklumat lanjut sila layari [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my) atau laman Facebook rasmi kami, [www.facebook.com/mypenanghill](https://www.facebook.com/mypenanghill) untuk mendapatkan perkembangan terkini.

“Lihat Alam Semulajadi . Hayati Sejarah”

#Tamat#

### Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880

[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Safina Ramli  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880

[safina@penanghill.gov.my](mailto:safina@penanghill.gov.my)

Izatul Aziah Ismail  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880

[izatul@penanghill.gov.my](mailto:izatul@penanghill.gov.my)